



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
Aras 3-6, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 3000  
Faks : 03-8889 2176  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO SIJIL : MY-AR : 4697

Ruj. Kami: JPA(I)S.179/17/2-6 Klt.3 (4)  
Tarikh : 9 September 2013


Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,



**PELAWAAN KEMUDAHAN PINJAMAN BOLEH UBAH SESI 2013/2014  
UNTUK PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA YANG MENGIKUTI  
PENGAJIAN DI PERINGKAT DIPLOMA ATAU IJAZAH PERTAMA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai **Kumpulan Pelaksana** yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama adalah dipelawa untuk memohon kemudahan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bagi Sesi Pengajian 2013/2014. Untuk pengajian sepenuh masa, penajaan yang ditawarkan adalah Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dan PBU, manakala bagi pengajian separuh masa, hanya PBU yang ditawarkan.

3. Pelawaan ini tidak meliputi Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang mempunyai peruntukan sendiri untuk mengendalikan kursus di peringkat Diploma/ Ijazah Pertama atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang dimaksudkanialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan).

KPPK (SKPSM)1	KPPK (SKPSM)2	KPP (SKPSM)1	KPP (SKPSM)2
Tindakan	Ulasan	Bincang	Lain-lain
Makluman	Edaran	Fatikan	



(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

**Kementerian Pertahanan Malaysia** (bagi **Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia**), dan Agensi/ Badan Berkanun yang telah diswastakan/ dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya. Bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, kemudahan cuti belajar dan PBU adalah diuruskan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing.

#### **4. Syarat-syarat Kelayakan**

Pegawai yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pelaksana** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (ii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) Pegawai berumur tidak melebihi **40 tahun** pada **1 Januari 2013**;
- (iv) Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** purata **85 markah ke atas** bagi **tempoh genap 3 tahun perkhidmatan terkini** berturut-turut (**2010, 2011 & 2012**). Penilaian setahun LNPT genap **12 bulan**;
- (v) Telah menerima tawaran untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama secara sepenuh masa atau separuh masa di IPTA tempatan;
- (vi) **Telah menerima tawaran dan memulakan pengajian** di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama pada tahun 2013 secara separuh masa atau sepenuh masa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan;  
atau

**Sedang mengikuti pengajian** di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama pada tahun 2013 secara separuh masa atau sepenuh masa di IPTA tempatan, dengan syarat masih mempunyai **sekurang-kurangnya baki tiga (3) semester** pada tarikh tutup permohonan;

- (vii) Telah mendapat kelulusan Cuti Belajar Separuh Gaji (untuk pengajian sepenuh masa) atau kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan (untuk pengajian separuh masa);
- (viii) Telah menyelesaikan pembayaran balik Pinjaman JPA (sekiranya berkaitan);

- (ix) Mengikuti pengajian dalam **bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan**. Semakan bidang-bidang yang diiktiraf boleh dibuat di portal e-SISRAF iaitu <http://pengiktirafan.jpa.gov.my>. Keutamaan akan diberikan kepada bidang Sains dan Teknologi serta bidang yang diperlukan untuk kepentingan perkhidmatan;
- (x) Bersih daripada pertuduhan tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (xi) Telah mengisyiharkan harta;
- (xii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA; dan
- (xiii) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai.

## 5. Elaun dan Kemudahan Yang Ditawarkan

Calon-calon yang ditawarkan CBSG dan PBU atau PBU sahaja akan menerima kemudahan-kemudahan seperti yang berikut:

<b>PERINGKAT</b>	<b>CBSG dan PBU</b>	<b>PBU</b>
<b>DIPLOMA</b>	Yuran Pengajian Elaun Sara Hidup - RM 4,100.00 setahun (maksimum 3 tahun)	Yuran Pengajian (maksimum 4 tahun)
<b>IJAZAH PERTAMA</b>	Yuran Pengajian Elaun Sara Hidup - RM 4,700.00 setahun (maksimum 3 tahun)	Yuran Pengajian (maksimum 4 tahun)

## 6. Tatacara Permohonan / Pencalonan

### 6.1 Tanggungjawab pegawai

- 6.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan PBU secara dalam talian di portal JPA

[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) atau <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **9 September 2013 sehingga 20 September 2013**.

- 6.1.2 Borang permohonan PBU yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:
- (i) Borang Perakuan Ketua Jabatan (yang dilengkапkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN B**);
  - (ii) Borang Maklumat Ringkas Pengajian (yang dilengkapan oleh pihak institusi pengajian seperti di **LAMPIRAN C**);
  - (iii) Salinan Surat Tawaran kemasukan ke institusi;
  - (iv) Salinan slip pendaftaran/ Surat pengesahan pendaftaran kemasukan ke institusi;
  - (v) Salinan Pengiktirafan Kelayakan yang dicetak daripada portal e-SISRAF iaitu <http://pengiktirafan.jpa.gov.my>; dan
  - (vi) Salinan surat kelulusan Cuti Belajar Separuh Gaji (untuk pengajian sepenuh masa) atau kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan (untuk pengajian separuh masa).
- 6.1.3 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan** melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta **tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

6.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

- 6.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai kepada Jabatan ini selewat-lewatnya **4 Oktober 2013**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 6.1.2**.

## **7. Maklumat Tambahan**

- 7.1 Permohonan bagi kemudahan PBU bukanlah sebahagian daripada permohonan CBSG. Sehubungan dengan itu, permohonan untuk PBU hendaklah dibuat secara berasingan daripada permohonan CBSG.
- 7.2 Kelulusan CBSG tidak menjamin pemohon untuk diluluskan PBU. Penentuan kelulusan adalah bergantung pada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 7.3 Pemohon yang mengikuti pengajian secara separuh masa tidak perlu mendapatkan kelulusan daripada JPA. Kelulusan untuk mengikuti pengajian adalah tertakluk kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

## **8. Tarikh Tutup Permohonan / Pencalonan**

- 8.1 Tarikh tutup permohonan secara dalam talian bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **20 September 2013**.
  - 8.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah pada **4 Oktober 2013**.
  - 8.3 Keputusan calon-calon yang berjaya dijangka akan diumumkan di laman web rasmi JPA iaitu [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) atau <http://esilav2.jpa.gov.my> pada bulan **Disember 2013**.
  - 8.4 Segala keputusan permohonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
9. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebelum dihantar kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
**(u.p. Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)**

Semua pertanyaan atau kemosykilan dalam urusan ini, sila hubungi:

**Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan**

**No. Telefon : 03 - 88853546**

**No. Faks : 03 - 88892171**

**Emel : ldp@ipa.gov.my**

10. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(REDHAUDDIN BIN KAMARUZAMAN)**

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA.**

**LAMPIRAN B****BORANG PERAKUAN KETUA JABATAN**

**JABATAN/AGENSI** : \_\_\_\_\_  
**KEMENTERIAN** : \_\_\_\_\_

**Butir-butir Perkhidmatan**

- a) Nama : .....  
b) No. K/P : .....  
c) Tarikh Lahir : .....  
d) Umur : .....  
e) Skim Perkhidmatan : .....  
f) Gred Jawatan Hakiki : .....  
g) Tarikh Lantikan : ..... **(dalam skim perkhidmatan terkini)**  
h) Tarikh Sah : ..... **(dalam skim perkhidmatan terkini)**  
i) Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan **(dalam skim perkhidmatan terkini)** :  
    i) Tahun : ..... Markah : .....  
    ii) Tahun : ..... Markah : .....  
    iii) Tahun : ..... Markah : .....  
    iv) Purata Markah : .....  
j) Tindakan Tatatertib : Ada/Tiada  
k) Pengistiharan Harta : Ada/Tiada  
l) Sokongan : Disokong / Tidak Disokong  
m) Pegawai boleh / tidak boleh dilepaskan untuk menjalani kursus pada sesi yang dipohon.

Saya mengesahkan bahawa kenyataan yang diberikan oleh \_\_\_\_\_ adalah benar dan permohonan beliau adalah lengkap.

**DIPERAKUKAN OLEH:**

---

**(Tandatangan Ketua Jabatan)**

Nama Pegawai : .....  
Jawatan : .....  
Jabatan/ Kementerian : .....  
Tarikh : .....  
Cop Rasmi Jabatan : .....

## LAMPIRAN C

### MAKLUMAT RINGKAS PENGAJIAN

Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
No. Matrik/ Kad Pelajar :  
Nama Institusi :  
Program :

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar berikut ialah pelajar berdaftar di institusi ini.  
Maklumat pelajar ialah seperti berikut :

- a) Tarikh Mendaftar Diri :
  - b) Semester Pengajian Sekarang :
  - c) Mod Pengajian :
  - d) Kursus:
  - e) Tempoh Pengajian :
  - f) Jangkaan Tamat :
  - g) Baki Semester :
  - h) Tajaan Lain :
  - i) Perlanjutan/Penangguhan : Ada / Tiada (Sekiranya ada nyatakan **sebab dan tempoh**)
- 
- 
- 
- 

- j) Anggaran yuran pelajar bagi sepanjang pengajian : (**Sila buat Lampiran**)
- k) Anggaran baki yuran pengajian pelajar : (**Sila buat Lampiran**)

Saya mengesahkan bahawa kenyataan berkenaan maklumat pengajian adalah benar.

---

(Tandatangan Pihak Institusi)

Nama :  
Jawatan :  
Cop Rasmi :  
Tarikh :

Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara  
Bahagian Pengurusan  
No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62100 PUTRAJAYA**  
**(u.p. : Puan Norsham Binti Rahin)**

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
No 15, Aras 2, Persiaran Perdana Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62518 PUTRAJAYA**  
**(u.p. : Encik Sabarudin Bin A. Kadir Wahab)**

Akauntan Negara  
Jabatan Akauntan Negara  
Seksyen Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No 1 Persiaran Perdana, Tingkat 6  
Presint 2  
**62594 PUTRAJAYA**  
**(u.p. : Puan Fikriah binti Haji Abdul Rahman)**



Ketua Polis Negara  
Polis Diraja Malaysia  
Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan)  
Jabatan Pengurusan  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**  
**(u.p : DCP Dato' Shabudin bin Abdul Wahab)**

Ketua Pengarah  
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara  
**(PERHILITAN)**  
Bahagian Pengurusan  
Seksyen Pembangunan Sumber Manusia  
Kilometer 10, Jalan Cheras  
**56100 KUALA LUMPUR**  
**(u.p. : YBhg. Dato' Suid bin Saad)**